

# PPMU sahut saranan NC Demi kelestarian Alam

Oleh Fahtinoor Amera Binti Othman, Nurleyana Binti Salleh dan Amy Zuria binti Abdul Ajid

Ogos 21, 2022 @ 9:10pm



Uniknya nama Tanjung Piai dinamakan sempena pokok tempatan dikenali sebagai pokok paku piai.

Sempena Hari Konservasi Ekosistem Hutan Paya Laut Antarabangsa yang disambut pada 26 Julai 2022, Pusat Pengurusan Makmal Universiti (PPMU) Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Johor Bahru telah menyahut saranan Naib Canselor UTM, Professor Datuk Ts. Dr. Ahmad Fauzi Ismail dengan menganjurkan aktiviti CSR, penanaman semula pokok paya bakau di Taman Negara Johor Tanjung Piai, Pontian, Johor pada Ahad, 14 Ogos 2022. Seramai 41 orang staf PPMU berganding bahu bersama bagi menjayakan aktiviti CSR ini.

Aktiviti ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan staf PPMU dan memelihara ekosistem hutan paya bakau termasuk kawasan persisiran pantai.

## Kepelbagaian biologi

Hutan paya bakau merupakan hutan unik yang bertaburan di kawasan persekitaran ekstrim dan air masin. Hutan ini menjadi habitat semulajadi pelbagai spesis flora dan fauna. Hal ini menjadikan hutan paya bakau sebagai sebuah kawasan yang mempunyai kepelbagaian biologi yang tinggi. Selain itu, hutan paya bakau berperanan sebagai pelindung semulajadi kepada bencana alam seperti tsunami, ombak besar serta ribut. Hutan paya bakau juga mampu menyerap gelombang besar ombak serta angin kencang seterusnya membolehkan kawasan pesisiran pantai yang dilitupi hutan paya bakau selamat daripada impak bencana.



Pokok paya bakau jenis akar jangkang dikenali sebagai Rhizophora



Ikan belacak juga dikenali sebagai ikan tembakul

## Penanaman semula anak pokok bakau

Sebanyak 201 anak pokok bakau jenis *Rhizophora Apiculata* dan *Rhizophora Mucronata* telah berjaya ditanam oleh staff PPMU melalui aktiviti pemulihan hutan paya bakau di Taman Negara Johor Tanjung Piai, Pontian, Johor.



Staf PPMU begitu bersemangat menanam anak pokok bakau. Setiap orang dibekalkan 3 batang anak pokok bakau spesies bakau minyak dan juga bakau kurap untuk ditanam.

Aktiviti penanaman semula anak pokok bakau ini adalah aktiviti berterusan dari semasa ke semasa demi kelestarian pokok paya bakau. Penanaman pokok paya bakau bukan sahaja boleh mencegah hakisan pantai malah dapat memulihara habitat asal supaya anak ikan, berongan, siput sedut, lokan, dan ketam dapat membiak. Lantas dengan penanaman anak pokok bakau ini, boleh menjadikan kawasan terbabit sebagai kawasan penampungan ombak untuk mencegah hakisan pantai.



## Pemuliharaan pesisir pantai paya bakau

Persisiran pantai Taman Negara Tanjung Piai yang menjadi tarikan pelancong seluruh dunia kerana menempatkan titik penghujung benua asia, kini berdepan ancaman hakisan hingga mencapai jarak lapan meter setiap tahun. Hakisan berlaku sepanjang 10 kilometer bermula dari pantai yang menempatkan glob mercu tanda Tanjung Piai sebagai penghujung tanah besar Asia hingga ke kawasan Kukup, dengan keadaan lebih serius di kawasan timur (Kukup) berbanding barat (Selat Melaka). Longgokan sampah yang dihanyutkan ombak ke pesisir pantai Taman Negara Tanjung Piai adalah faktor utama terjadinya hakisan pantai.



Aktiviti kutipan sampah di persisiran pantai Tanjung Piai giat dijalankan oleh staf PPMU

Tujuan utama aktiviti ini diadakan ialah untuk mendidik dan menerapkan tabiat kitar semula dengan menekankan kepentingan mengasing dan mengitar semula sampah sarap yang telah dikumpulkan semasa aktiviti pembersihan pantai.



Longgokan sampah yang berjaya dikumpulkan oleh peserta

Usaha lain yang dilaksanakan dalam aktiviti CSR ini termasuklah program kesedaran pembersihan dan memungut sampah seperti botol plastik, tin minuman, selipar, cebisan plastik, tali di sekitar persisiran pantai paya bakau. Jumlah sampah yang terkumpul adalah sebanyak 88kg dalam masa kira-kira satu (1) jam.



Justeru, melalui penganjuran aktiviti CSR ini, staff PPMU diharap dapat meningkatkan rasa tanggungjawab dalam usaha pemeliharaan alam sekitar dan mengurangkan pencemaran atau penghasilan sisa buangan khususnya di lokasi tumpuan pelancong.



## Khazanah alam tanggungjawab bersama

Oleh itu, sempena Hari Konservasi Ekosistem Hutan Paya Laut Antarabangsa 2022, PPMU menyeru semua pihak untuk memberi komitmen penuh bagi mengekalkan kawasan hutan paya bakau serta kawasan persisiran pantai sebagai kawasan semulajadi.

Usaha-usaha PPMU bagi memupuk kesedaran penjagaan alam sekitar dalam kalangan staf terutamanya dalam pemeliharaan dan pemuliharaan ekosistem adalah bagi memastikan generasi akan datang dapat terus menikmati keindahan serta manfaat sumber alam yang tidak ternilai ini.



Kesimpulannya, dengan penganjuran aktiviti CSR ini, staf PPMU diharap dapat meningkatkan rasa tanggungjawab dalam usaha pemeliharaan alam sekitar dan mengurangkan pencemaran atau penghasilan sisa buangan khususnya di lokasi tumpuan pelancong.

Semua pihak memainkan peranan masing-masing bagi memastikan Taman Negara Johor Tanjung Piai, Pontian yang merupakan antara kawasan pelancongan utama negeri Johor terpelihara kebersihan dan lebih menjadi tarikan pengunjung.

